

Dipercayai punca virus rabies tersebar di Kuala Sepetang, Taiping

## Anjing gila dibawa nelayan asing

**MARANG**—Anjing dari luar negara dipercayai antara punca penyebaran rabies atau penyakit anjing gila di Kuala Sepetang, Taiping, Perak, kata Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

Beliau berkata, anjing tersebut dipercayai dibawa masuk oleh nelayan asing menerusi bot yang berlabuh di kawasan berkenaan.

“Kita dalam proses untuk menjejaki dari mana datangnya anjing-anjing itu agar penyakit ini lebih mudah untuk dikesan dan tidak dinafikan ia agak mencabar.



AHMAD SHABERY

“Selain itu, cabaran utama kita (tangani rabies) di Sarawak pula ialah jarak dan sempadan kita harus mendapat kerjasama dengan negara jiran Indonesia untuk pergi ke kawasan yang terjejas teruk,” katanya pada sidang media selepas مراسم Kilang Beras PRM Foods Marketing Sdn. Bhd. di Bukit Kor di sini semalam.

*Kosmo!* pada 18 Julai lalu melaporkan kerajaan negeri Perak mengisytiharkan Mukim Matang sebagai kawasan jangkitan rabies selepas dua kanak-kanak perempuan digigit seekor anjing gila di Kuala Sepetang, Taiping



KERATAN *Kosmo!* 17 Julai 2017.

pada 4 Julai lalu.

Sehingga kini wabak berkenaan telah membunuh empat kanak-kanak di Sarawak, manakala seorang lelaki berusia 52 tahun disahkan positif virus tersebut di negeri itu kelmarin.

Shabery berkata, pihak kementerian telah menghantar sebanyak 13,000 vaksin di Sarawak dan 6,000 vaksin ditambah semalam supaya kawasan-kawasan dalam lingkungan pengawasan tersebut diperluaskan.

Sementara itu di Ipoh, Sebanyak 24 lagi anjing liar dilupuskan di Mukim Matang menjadikan jumlah haiwan itu dilupuskan sejak empat hari lalu meningkat kepada 72 ekor.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Dr. Fuziah Muhyat berkata, pihaknya turut memberikan suntikan vaksin kepada 337 ekor anjing dan kucing sebagai langkah mengekang penularan wabak rabies atau anjing gila di negeri itu.



VIRUS rabies dipercayai tersebar melalui anjing yang dibawa oleh nelayan asing menerusi bot di Kuala Sepetang, Taiping. — Gambar hiasan

## RM2.9 juta diperuntukan beli vaksin antirabies di Sarawak

Oleh TAUFIK SALIMIN



ABANG ABDUL RAHMAN (dua dari kanan) menyaksikan operasi penvaksinan anjing bagi mengatasi penularan wabak rabies di Dewan Masyarakat Batu 10, Kota Padawan, Kuching semalam.

**KUCHING**—Sebanyak RM2.9 juta telah dibelanjakan oleh kerajaan negeri bagi membeli bekalan vaksin antirabies dan peralatan lain selepas penyakit anjing gila itu dikesan di Sarawak awal Jun lalu.

Ketua Menteri, Datuk Amar Abang Abdul Rahman Zohari Tun Abang Openg berkata, daripada jumlah peruntukan itu, sebanyak RM2.4 juta telah disediakan oleh kerajaan Persekutuan manakala bakinya disalurkan kerajaan negeri.

Menurutnya, peruntukan yang disalurkan itu adalah bagi membolehkan anggota Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak membeli pelbagai peralatan dan

bekalan vaksin antirabies dalam usaha mencegah penularan wabak anjing gila khususnya di daerah Serian.

“Sehingga ini, terdapat 18 buah perkampungan di Serian, Tebedu dan Sri Aman telah diisytiharkan sebagai kawasan wabak rabies.

“Kawasan-kawasan yang baru dikenal pasti ialah Pekan Siburan, Bandar Serian, Batu 45 Kuching-Sri Aman, Kampung Tenong Mura di Tebedu dan Rh. Janta Punggu Mawang di Sri Aman,” katanya pada sidang media di Dewan Masyarakat Batu 10, Kota Padawan di sini semalam.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri, Datuk Amar Douglas

Uggah Embas dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Dr. Sim Kui Hian.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu, buat masa ini seekor anjing di Siburan didapati positif rabies namun masih belum ada mangsa terbaharu membabitkan penyakit itu.

Dalam pada itu, Abdul Rahman Zohari memberitahu, kerajaan negeri diketuai Uggah akan mengadakan perjumpaan dengan Konsul Indonesia hari ini bagi membincangkan tindakan terbaik menangani penularan wabak rabies di Sarawak.

Ini adalah kerana perkampungan yang dijangkiti virus rabies membabitkan kawasan bersempadan dengan Kalimantan, Indonesia.